**Oleh Norul Awatif Romli**
awatifromli@hmetro.com.my

# KUSTA belum PUPUS

## *Penyakit bawaan udara ini wujud di lebih 100 negara termasuk Malaysia*

Banyak mitos mengatakan penyakit kusta berlaku disebabkan sumpahan atau hukuman sehinggakan pesakitnya sering disisih masyarakat hingga ada yang mengalami masalah psikologi.

Penyakit kusta juga dikenali sebagai penyakit Hansen atau Leprosy, iaitu suatu penyakit berjangkit yang kronik disebabkan jangkitan sejenis kuman dikenali Mycobacterium leprae yang boleh menjangkiti kulit dan saraf periferal serta tisu lain seperti mata, saluran pernafasan, selaput dalaman hidung serta testis.

Namun, saban tahun ramai beranggapan penyakit ini semakin pupus hingga ada sesetengah individu mengabaikan penjagaan kesihatan diri dan persekitaran.

Sebenarnya, penyakit kusta adalah penyakit bawaan udara yang merebak menerusi titisan udara iaitu apabila pesakit bersin atau batuk, maka titisan mengandungi bakteria akan dilepaskan ke udara.

Namun, tidak perlu khuatir kerana tidak mudah untuk seseorang individu dijangkiti penyakit kusta berikutan lebih daripada 95 peratus orang secara semula jadi imun kepada bakteria kusta terutama mereka yang tinggal di kawasan endemik penyakit berkenaan.

Malah, penyakit kusta juga tidak akan berjangkit melalui sentuhan pada luka yang terdapat pada anggota atau badan pesakit.

Ketika ini, ramai beranggapan penyakit ini sudah pupus, namun sebenarnya ia masih wujud di lebih daripada 100 negara di seluruh dunia termasuk Malaysia.

Malah, sebanyak 300 hingga 350 kes baru dikenal pasti di negara ini setiap tahun. Kajian turut mendapati sebanyak 336 kes dicatatkan pada 2012 serta 306 kes pada tahun berikutnya.

Terdapat lima jenis penyakit kusta iaitu tuberkuloid, borderline tuberkuloid, borderline borderline, borderline lepromatus dan lepromatus.

Jenisnya bergantung kepada daya imuniti pesakit berkenaan manakala rawatannya boleh dibahagikan kepada paucibacillary (tiada bakteria dikesan) atau multi-bacillary (bakteria dikesan) bergantung kepada keputusan calitan toreh kulit yang dilakukan pada cuping telinga dan lesi kulit pesakit.

KUSTA tuberkuloid

PALSY saraf membawa kepada keadaan tangan seolah-olah mencakar.

KECACATAN kaki disebabkan penyakit kusta.

### Antara tanda dan gejala penyakit

- Penyakit kusta boleh mengancam kulit dan saraf periferal yang boleh menimbulkan ruam atau lesi pada kulit yang tidak gatal. Keadaan ruam atau lesi itu juga boleh berlaku dengan atau tanpa kehilangan rasa atau sensasi.
- Terdapat juga pesakit mengalami kerosakan saraf yang boleh mengakibatkan kelemahan otot dan kehilangan rasa atau sensasi pada bahagian tangan serta kaki.
- Kehilangan rasa atau sensasi itu boleh menyebabkan kehilangan refleks automatik untuk membantu manusia menjauhkan diri daripada objek panas atau tajam. Keadaan itu boleh menyebabkan berlaku kejadian luka pada kulit pesakit seperti luka terbakar yang kemudiannya boleh dijangkiti kuman.
- Pesakit kusta juga mungkin boleh kehilangan jari tangan dan kaki akibat jangkitan. Jika lambat atau tidak dirawati, kelumpuhan saraf muka juga boleh membawa kepada kehilangan refleks berkelip, kekeringan dan ulser pada mata dan akhirnya boleh membawa buta.

Ribuan individu di seluruh dunia dijangkiti penyakit ini dan kebanyakan kes dikesan di negara membangun. Namun bilangan pesakit kusta dilaporkan menurun secara mendadak berikutan pengenalan terapi pelbagai ubatan (MDT atau multidrug therapy) yang berkesan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 1985.

Untuk negara ini, pesakit kusta sebelum ini diasingkan dalam koloni kusta seperti Pusat Kawalan Kusta Negara di Sungai Buloh, Selangor dan Pusat Rawatan Kusta di Pulau Jerejak, Pulau Pinang.

Pakar Perunding Dermatologi dan Ketua Jabatan Dermatologi Hospital Pulau Pinang Dr Chan Lee Chin berkata, tanda lesi pada kulit dan kecacatan akibat penyakit ini membawa stigma buruk yang teruk kepada pesakit, namun kini penyakit kusta boleh dirawat dengan berkesan dan pengasingan pesakit tidak diperlukan.

"Pesakit juga kini boleh tinggal bersama ahli keluarga masing-masing dan masyarakat ketika mereka menerima rawatan," katanya.

Menurutnya, rawatan menggunakan kombinasi antibiotik sistemik seperti rifampin, depsone dan clofazimine selama enam hingga 12 bulan adalah salah satu cara untuk merawat penyakit ini.

Bagaimanapun katanya, ubat-ubatan seperti ofloxacin atau minocycline akan digunakan sekiranya berlaku kontraindikasi atau kekebalan ubat.

"Kadangkala pesakit mungkin akan mengalami reaksi lepra yang disebabkan oleh reaksi imunologi terhadap mycobacterium leprae. Tanda reaksi lepra termasuk demam, bengkak pada lesi sedia ada, nodul baru yang radang dan sakit, bengkak tangan dan kaki, sakit saraf dan kelemahan otot.

"Namun, reaksi ini boleh dikawal dengan penggunaan prednisone dan immunosuppressants. Secara amnya penyakit kusta boleh disembuhkan menggunakan rawatan MDT dan tidak akan menjangkiti orang lain sebaik saja seseorang pesakit menerima rawatan berkenaan," katanya.

Berikutan itu, pesakit kusta tidak perlu diasingkan daripada keluarga atau komuniti asalkan mereka mematuhi nasihat doktor dan menerima rawatan mengikut jadual ditetapkan.

Orang ramai yang mempunyai sebarang keraguan mengenai penyakit ini boleh menghubungi pakar dermatologi di klinik berhampiran atau melayari laman web www.dermatology.org.my/dermatologist.htm.